

**PENYEWAAN HARTANAH SURUHANJAYA PELABUHAN**  
**PULAU PINANG DI LOT 1355, 1009, 1406 DAN 1362, JALAN**  
**ANSON, SEKSYEN 12, BANDAR GEORGETOWN, DAERAH**  
**TIMUR LAUT**

Pelawaan ni dibuat kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan dari segi kewangan mahupun teknikal untuk menyewa hartaanah di Lot 1355, 1009, 1406 Dan 1362, Jalan Anson, Seksyen 12, Georgetown, Daerah Timur Laut.

Butiran mengenai hartaanah dan syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

1. Lokasi hartaanah terletak berhadapan Jalan Anson/Jalan Dunlop/Jalan Pahang, Georgetown dengan keluasan tanah seperti berikut:

Lot 1355- 3,172.64 meter persegi.

Lot 1009- 508.74 meter persegi

Lot 1406- 1,163.52 meter persegi

Lot 1362- 1,265.43 meter persegi

(Jumlah keluasan keseluruhan: 6,110.33 meter persegi)

2. Syarat nyata ialah First Grade dan tiada sekatan kepentingan.
3. Di atas lot tanah terdapat sebuah rumah kelab satu (1) tingkat dengan keluasan lantai iaitu 218.50 meter persegi. Keadaan bangunan kurang baik.
4. Rumah Kelab tidak dilengkapi dengan apa-apa perabot atau kelengkapan.
5. Penyewa yang berjaya perlu menjalankannya kerja-kerja pendawaian semula, kerja-kerja M&E dan penyelenggaraan yang berkaitan.
6. Tempoh penyewaan adalah selama 3 tahun dan dengan opsyen tambahan 3 tahun lagi.
7. Penyewa hendaklah memastikan cadangan konsep penyewaan adalah mengikut *zoning, plot ratio* dan syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan.
8. Apabila tamat tempoh sewaan, hartaanah dikembalikan kepada SPPP tanpa sebarang kos kepada SPPP.

9. Pemeriksaan dan penelitian ke atas hartanah tersebut perlu dilaksanakan oleh penyewa bagi mendapatkan sendiri maklumat berkaitan cadangan sewaan.
10. SPPP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perubahan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dan PBT berkaitan dengan syarat penyewaan di atas hartanah tersebut.
11. SPPP tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dan SPPP sentiasa berhak untuk memilih serta menerima mana-mana tawaran yang difikirkan terbaik dan bersesuaian. Keputusan adalah muktamad dan SPPP tidak akan melayan sebarang surat rayuan daripada mana-mana pihak.
12. Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan *softcopy* dengan mengemukakan maklumat lengkap seperti latar belakang syarikat, konsep sewaan beserta gambar dan cadangan kewangan yang lengkap dan cadangan kadar sewa. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:

**Pengurus Besar  
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang  
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal  
No.1A, Pesara King Edward  
10300 Georgetown, Pulau Pinang**

13. Tarikh tutup Pelawaan Mengemukakan Cadangan Sewaan ialah pada 26 Julai 2016.
14. Tempoh sah laku Pelawaan Mengemukakan Cadangan Sewaan ialah bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup pelawaan.

